

Penyatuan antara UMNO-Pas demi kepentingan orang Melayu dan Islam

# Sokong ulama jadi perantara



**MOHAMAD Shukri Mohamad (Kiri) bersalaman dengan Wan Mohd. Noor Wan Daud ketika hadir merasmikan Wacana Perpaduan Ummah di Jabatan Kebudayaan Kelantan, Kota Bharu, semalam. - UTUSAN/ROSNI MASRI**

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**  
rodelio.taucan@utusan.com.my

**KOTA BHARU** 26 Sept. - Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad menyokong sekiranya tokoh agama dipilih menjadi perantara bagi penyatuan antara UMNO dan Pas demi kepentingan orang Melayu dan agama Islam di negara ini.

Walau bagaimanapun, beliau berharap, tokoh agama itu mestilah seorang individu yang betul-betul mempunyai pengaruh dan keupayaan untuk menjadi perantara kepada usaha tersebut serta tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak.

“Golongan agama pun ada kapasiti, kena ada cc kren (kuasa besar), bukan semua golongan agama ada cc besar, jadi kena pilih ulama-ulama yang bertaraf kren,” katanya secara berkias pada sidang akhbar selepas merasmikan Wacana Perpaduan Ummah di Jabatan Kebudayaan Kelantan, di sini hari ini.

Wacana tersebut yang dianjurkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menampilkan tiga tokoh akademik sebagai ahli panel iaitu pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, Prof. Emeritus Dr. Hashim Musa; Pengarah Pusat Kajian Tinggi Islam Sains dan Peradaban Universiti Teknologi Malaysia, Prof. Dr. Wan Mohd. Noor Wan Daud dan bekas Pre-

siden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Dr. Yusri Mohammad.

Mengulas penyatuan UMNO dan Pas, Mohamad Shukri berkata, kedua-dua parti perlu mencontohi kejayaan bekas pemimpin mereka iaitu Tun Abdul Razak Hussein dan Tan Sri Dr. Mohamad Asri Muda yang membawa kepada gabungan kedua-dua parti sebelum ini.

Namun katanya, sekiranya ada pertemuan antara pemimpin UMNO dan Pas, perkara itu tidak perlu dihebahkan kepada media massa sehinggalah usaha itu berjaya untuk mengelak sebarang kekeliruan.

Tambah beliau, perpaduan antara umat Islam di negara ini sangat kritikal ketika ini memandangkan perkara-perkara negatif yang timbul akhir-akhir ini menyebabkan kewibawaan agama Islam dan orang Melayu semakin tergugat.

“Saya kebetulan berada di Mesir apabila Tan Sri Dr. Mohamad Asri yang sebelum itu melakukan pertemuan rahsia dengan Tun Abdul Razak di Geneva datang dan menyatakan bahawa ada kejutan dalam politik Malaysia iaitu Pas dan UMNO akan bersatu.

“Saya rasa inilah yang perlu dilakukan dan sekiranya ada apa-apa perbincangan mengenai perpaduan maka perlu dibuat secara tertutup daripada pengetahuan umum,” kata beliau.